

56

SOALAN NO. 320

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD MARZUK
BIN SHAARY [BACHOK]**

SOALAN :

**YB Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta PERDANA
MENTERI menyatakan jumlah peruntukan pembangunan daripada
Kerajaan kepada rakyat Bachok menurut sektor sejak tahun 2013, 2014,
2015 dan 2016. Apakah kelemahan yang dikenal pasti dalam peruntukan
dan agihan sedia ada.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi melaksanakan projek pembangunan persekutuan di Parlimen Bachok sejak tahun 2013 sehingga 2016 adalah sebanyak RM 660 juta untuk pelaksanaan 84 buah projek.

Kerajaan Persekutuan sentiasa meningkatkan keberkesanan dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan agar agihan peruntukan dilakukan dengan adil dan saksama. Selaras dengan itu, melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan melaksanakan pendekatan baharu yang dikenali sebagai Strategi Pembangunan Nasional Malaysia atau *Malaysian National Development Strategy* (MyNDS). MyNDS adalah berdasarkan ekonomi berteraskan rakyat (*people economy*) yang menekankan peningkatan kesejahteraan rakyat dan ekonomi berdasarkan modal (*capital economy*) yang menumpukan kepada pencapaian pendapatan yang tinggi. MyNDS akan memberi keutamaan kepada inisiatif yang mempunyai impak tinggi terhadap kedua-dua teras tersebut dan boleh dilaksanakan segera dengan kos yang rendah (*high impact, fast execution and low cost*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]**

SOALAN :-

YB. Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan rancangan Kerajaan untuk membantu pembeli rumah Taman Permata Impian yang sudah terbengkalai selama 12 tahun untuk mendapat balik wang mereka, seperti yang dijanji dalam satu mesyuarat yang dipengerusi oleh Jabatan Perumahan Negara pada 4.3.2015.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Perumahan Taman Permata Impian, Kulai yang dimajukan oleh Renewed Global Sdn. Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Renewed Development Sdn. Bhd) melibatkan 284 unit Rumah Kedai 2 Tingkat (RK2T) di mana perjanjian jual beli yang pertama telah ditandatangani pada tahun 2002. Pihak pemaju tersebut telah memohon Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan bagi projek ini dengan pihak Majlis Perbandaran Kulai (MPK) yang menyelia kawasan berkenaan.

Mengikut rekod Jabatan Perumahan Negara (JPN) pula, pemaju tersebut tidak memohon *Advertising Permit and Developer Licence* (APDL) bagi tujuan penjualan unit rumah yang dibina di kawasan tersebut. Justeru, projek ini telah diklasifikasikan oleh JPN sebagai projek tanpa lesen. Memandangkan projek ini merupakan pemajuan tanpa lesen, maka kerajaan tidak dapat memulihkan projek ini dan tanggung jawab untuk memantau projek ini terletak pada pihak yang mengeluarkan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan iaitu pihak Majlis Perbandaran Kulai.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan yang sentiasa mengambil berat dan mempunyai tanggung jawab sosial mengenai isu perumahan telah mengadakan perbincangan mengenai kemajuan projek ini. Pihak MPK bersama JPN dan pihak pembiaya iaitu Affin Bank Berhad pada 8 Mac 2017 telah mengadakan perbincangan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik melalui kaedah rundingan bagi mendapatkan ganti rugi yang setimpal kepada para pembeli projek berkenaan.

JPN tidak dapat mengenalpasti tempoh masa bagi menyelesaikan masalah ini kerana perkara ini tidak tertakluk dibawah Akta 118. Jalan penyelesaian kepada perkara ini adalah melalui konsultansi dan rundingan di antara 3 pihak yang terlibat iaitu Renewed Global Sdn. Bhd, Affin Bank Berhad dan pihak pembeli. Kejayaan kepada perkara ini juga bergantung kepada ketiga-tiga pihak terbabit.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ogos 2017